

Pengusaha stesen minyak patut utama pengguna

B.H 25/06/08 M/S 10

TINDAKAN Persatuan Pengusaha-pengusaha Stesen Minyak Malaysia (PDAM) mengarahkan pengusaha stesen minyak di seluruh negara menghentikan sementara urusan niaga penggunaan kad kredit bagi membeli minyak bermula semalam, sudah pasti menyukarkan pengguna. Persatuan itu dikatakan terpaksa bertindak sedemikian selepas menerima pandangan daripada 3,500 ahli persatuan yang mendakwa menanggung beban akibat kos operasi melambung termasuk caj kad kredit yang dikenakan bank. Tindakan itu juga dikatakan sebagai mendesak kerajaan memenuhi tuntutan mereka supaya menaikkan komisen jualan minyak. Sebagai contoh, setiap liter diesel yang dijual, pengusaha hanya memperoleh untung 4.5 sen tetapi terpaksa menanggung caj bank sebanyak 2.58 sen seliter. Walaupun tidak semua stesen minyak mematuhi arahan yang dikeluarkan Presidennya, Mejar (B) Abdul Wahid Bidin, tindakan itu ternyata menimbulkan kekalutan di kalangan pengguna yang selama ini menggunakan kad kredit untuk mengisi petrol. Ini bukan kali pertama PDAM mengambil tindakan sedemikian untuk menyelesaikan kemelut kerana pada Oktober 2005, masalah penggunaan kad kredit di stesen minyak turut menjadi isu tetapi berjaya diselesaikan apabila pihak bank dan pengusaha bersetuju menerima kadar caj baru membabitkan penurunan 0.3 peratus seliter bagi pembelian petrol dan diesel.

Kita akui memang keuntungan pengusaha stesen minyak semakin menguncup berikutan kos operasi meningkat dan permintaan berkurangan berikutan kenaikan harga petrol sehingga 40 peratus baru-baru ini. Bagaimanapun, pada masa yang sama pengguna turut berdepan dengan dilema apabila kad kredit tidak diterima sebagai bayaran pembelian minyak. Dalam keadaan 'ditelan mati emak, diluah mati bapa', kita berharap masalah yang dihadapi stesen minyak berhubung isu kad kredit diatasi segera kerana ia turut menjejaskan pengguna. Ketika semakin ramai orang tidak lagi membawa wang tunai yang banyak sekarang, pemberhentian penggunaan kad kredit di stesen minyak memang menyusahkan pengguna. Malah, sejak tiga tahun lalu, penggunaan kad kredit bagi pembelian minyak mendapat sokongan padu daripada bank perdagangan. Bank berlumba-lumba mengeluarkan kad kredit bagi pengguna syarikat minyak tertentu, malah syarikat minyak turut menganjurkan peraduan, seolah-olah menggalakkan penggunaan kad berkenaan ketika mengisi minyak di stesen yang mereka kendalikan. Kerana itu, pengguna kini lebih selesa menggunakan kad kredit untuk membeli minyak kerana ia membantu mereka merancang perbelanjaan bulanan.

Kita berharap kerajaan dan bank perdagangan dapat menyelami dan memberi perhatian terhadap masalah yang dialami pengusaha stesen minyak, kerana kita tidak mahu 3,500 pengusaha minyak terjejas teruk akibat kemelut yang dihadapi. Kita juga tidak mahu pengguna dibebankan dengan cadangan supaya mereka menanggung sendiri caj kad kredit kerana ada pendapat mengatakan pengguna hanya perlu membayar RM1 bagi setiap RM100 yang dibelanjakan berbanding pengusaha stesen minyak yang terpaksa membayar lebih banyak. Kita percaya keputusan 'menang-menang' akan diperolehi bagi menangani masalah yang dihadapi sekarang. Semua pihak terutama kerajaan, PDAM dan bank perdagangan perlu segera duduk berbincang bagi menyelesaikan masalah, yang boleh menyebabkan kesesakan di stesen minyak terutama di bandar besar, apa lagi pada waktu puncak. Kita tidak mahu kemelut berterusan kerana yang menjadi mangsa ialah pengguna sendiri.